

01 APR 1996

PLUS-Kecemasan

PLUS AKAN DIMINTA TUBUH UNIT BANTUAN KECEMASAN DI LEBUH RAYA

SEREMBAN, 1 April (Bernama) -- Projek Lebuh Raya Utara-Selatan (PLUS) akan diminta menubuhkan unit bantuan kecemasan pada setiap musim perayaan bagi membantu mangsa kemalangan di lebuhraya itu.

Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Mohamed Ali Rustam berkata ini dapat membantu mengurangkan kadar kematian akibat kemalangan memandangkan kira-kira 35 peratus mangsa meninggal dunia semasa dihantar ke hospital atau beberapa jam selepas dirawat.

Sesetengah mangsa mungkin dapat diselamatkan sekiranya diberikan rawatan segera, katanya kepada pemberita selepas mengunjungi Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad di pejabatnya di Wisma Negeri di sini hari ini.

Beliau berkata, PLUS boleh melakukan persediaan awal menjelang sesuatu musim perayaan bagi membolehkan unit kecemasan itu berada dalam keadaan siap sedia.

Keputusan untuk meminta PLUS menubuhkan unit kecemasan itu dibuat dalam rumusan sesi perbincangan dua hari membabitkan pelbagai pihak termasuk polis, Jabatan Pengangkutan Jalan, PLUS dan universiti tempatan mengenai keselamatan jalan raya yang berakhir di Port Dickson semalam.

Terdahulu, Ali yang juga Presiden Gerakan Belia 4B Malaysia berkata, Belia 4B akan menubuhkan kelab penerbangan pesawat ringan sebagai satu daripada aktiviti utamanya.

Kelab itu yang akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 5 Mei di Batu Berendam, Melaka terbuka kepada semua anggota Belia 4B, katanya.

Katanya, mereka cuma dikenakan bayaran RM2,000 seorang untuk menjalani penerbangan latihan selama 25 jam sebelum mendapat lesen juruterbang pesawat ringan.

Beliau berkata, Belia 4B Malaysia membelanjakan sejumlah RM240,000 bagi membeli tujuh buah pesawat ringan dan latihan akan dikendalikan oleh sebuah syarikat yang bertempat di Port Dickson. -- BERNAMA

RAB NMO